




JABATAN LAUT MALAYSIA  
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL

**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI  
PENDAFTARAN KAPAL MALAYSIA DAN  
PENDAFTARAN KAPAL  
ANTARABANGSA MALAYSIA  
(TRADISIONAL/ MISR )**

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022</b>

**Februari 2022**

## **1. PENGENALAN**

Proses Pendaftaran Kapal Sementara adalah merujuk kepada keperluan di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 Bahagian IIA dan Bahagian IIC.

## **2. KEPERLUAN PEMATUHAN**

2.1 Permohonan Pendaftaran Kapal adalah merupakan keperluan kepada semua kapal yang hendak berdaftar di Malaysia.

2.2 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat Pendaftar Kapal yang hendak dimohon.

2.3 Kapal yang **DIKECUALIKAN DARIPADA DIDAFTARKAN** adalah seperti berikut:


- i. Mana-mana kapal yang tidak melebihi 15 tanan bersih (net tonnage) yang digunakan untuk navigasi di sungai dan pesisiran laut Malaysia.
- ii. Mana-mana kapal yang berlesen menurut seksyen 475, OPS 1952.
- iii. Mana-mana kapal ikan yang beroperasi dalam Malaysia (tempatan) yang tidak melebihi 500 tanan kasar di mana kapal ini dilesenkan di bawah mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan perikanan.

2.4 Kelayakan untuk mendaftarkan kapal adalah seperti berikut:

### **A) Pendaftaran Tradisional (PORT KELANG/ PENANG/ KUCHING/ KOTA KINABALU):**

Kapal dimiliki oleh warganegara Malaysia atau sekiranya badan korporat perlu memenuhi syarat berikut :

- i. Ditubuhkan di Malaysia;
- ii. Ibu pejabat syarikat di Malaysia;
- iii. Majoriti pengarah dan rakan kongsi (termasuk perkongsian yang diundi) syarikat dipegang oleh warganegara Malaysia yang bebas dari sebarang amanah atau kewajipan. Majoriti dalam perihal ini adalah 51% tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Menteri.

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022</b>

B) Pendaftaran Antarabangsa (**LABUAN**):

1. Hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Badan korporat yang diperbadankan di Malaysia;
- ii. Mempunyai pejabat di Malaysia;
- iii. Majoriti pemegang saham, pengarah dan rakan kongsi syarikat dimiliki oleh warganegara asing. Majoriti dalam perihal ini adalah 51% tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Menteri dan;
- iv. Mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya 10% daripada nilai kapal atau RM 1,000,000.00, yang mana lebih tinggi.


2. KEPERLUAN PERLANTIKAN PENGURUS KAPAL

Pengurus kapal hendaklah dilantik terlebih dahulu oleh pemilik kapal sebelum permohonan pendaftaran kapal dilakukan. Syarat-syarat melantik pengurus kapal hendaklah mematuhi perkara berikut:

- i. Merupakan warganegara Malaysia yang bermastautin tetap di Malaysia **atau**;
- ii. Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai syarikat utama beroperasi di Malaysia

3. SYARAT PENDAFTARAN KAPAL

- 1) Tiada kapal yang dibenarkan didaftarkan dibawah pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia melainkan seperti berikut:
  - a) Kapal yang dilengkapi dengan sistem dorongan mekanikal;
  - b) Berat kapal tidak kurang daripada 1600 tanan kasar dan;
  - c) Umur kapal:
    - i. Tidak melebihi 15 tahun untuk kapal tangki dan kapal kargo **atau**;
    - ii. Tidak melebihi 20 tahun untuk kapal selain daripada kapal tangki dan kapal kargo.
- 2) Bayaran dius tahunan RM 0.30 per tanan kasar adalah diwajibkan bagi kapal yang didaftarkan dibawah pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia.

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022</b>

### 3. RUJUKAN


Rujukan boleh dibuat kepada :

- i. Ordinan Perkapalan Saudagara 1952 Bahagian IIA dan Bahagian IIC

### 4. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan untuk pendaftaran sementara/ tetap perlu dikemukakan kepada :

Bil	Pejabat Pendaftar Kapal	No.Tel/ Faks
1.	Pendaftar Kapal Port Klang Jabatan Laut Wilayah Tengah Peti Surat 268, Jalan Foreshore 42007 Port Klang Selangor Darul Ehsan	Tel : 603 - 3169 5253 Faks : 603 - 3165 3540
2.	Pendaftar Kapal Penang Jabatan Laut Wilayah Utara, Jalan Akuarium, Gelugor, Peti Surat 765 11700 Pulau Pinang	Tel : 604 - 657 9636 Faks : 604 - 657 5521
3.	Pendaftar Kapal Kota Kinabalu Jabatan Laut Sabah, Kompleks Jabatan Laut Teluk Salut, Jalan Sepanggar Beg Berkunci 2011, 88450 Kota Kinabalu Sabah	Tel : 6088 - 401 111 Faks : 6088 - 401 182
4.	Pendaftar Kapal Kuching Jabatan Laut Sarawak Kompleks Jabatan Laut, Lot 683 Seksyen 66 Jalan Utama, Tanah Puteh 93619 Kuching Sarawak	Tel : 6082 - 484 018 Faks : 6082 - 331 778
5.	Pendaftar Kapal Labuan Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan Peti Surat 81005 80700 Wilayah Persekutuan Labuan	Tel : 6087 – 413 515 Faks : 6087 – 413 515

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022</b>

## 5. Jadual Fi


1. Bayaran *Certificate of Survey* RM 100.00
2. Bayaran mengikut Tonnage kapal ( Jadual 13 didalam Ordinan Perkapalan Saudagar)
3. Carving marking note RM 30.00
4. dius tahunan RM 0.30 per tanan kasar adalah **DIWAJIBKAN** bagi kapal yang didaftarkan dibawah pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia.

## 6. Senarai Borang Permohonan Nama Kapal

Borang Permohonan Nama Kapal ini boleh dimuat turun di [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)  
(Perkhidmatan → Borang → Perkapalan → Pendaftaran Kapal Malaysia)

### 6.1 Permohonan Pendaftaran Kapal Sementara

- i. Pemohon mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal dimana kapal itu berdaftar. Permohonan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut:
  - a) Sijil kelulusan nama kapal;
  - b) Sijil pemeriksaan pendaftaran sementara (COS);
  - c) Borang permohonan untuk mendaftarkan kapal (M265/BPK/06-2019);
  - d) Borang permohonan isyarat panggilan antarabangsa (M253/BPK/07-2019);
  - e) Borang lantikan/ pembatalan/ pertukaran pengurus kapal (DK/BPK/03-2019);
  - f) Borang deklarasi hak milik dan kerakyatan (M240/BPK/01-2019);
  - g) Dokumen kad pengenalan asal dan salinan yang disahkan benar;
  - h) Dokumen *Certificate of Corporation* asal dan salinan yang disahkan benar;
  - i) Dokumen *Bill of Sale* asal dan salinan yang disahkan benar **atau**;
  - j) Dokumen *Builder Certificate* asal dan salinan yang disahkan benar **atau**;
  - k) Dokumen *Memorandum of Agreement* asal dan salinan yang disahkan benar **atau**;
  - l) Dokumen *Sale Purchase of Agreement* asal dan salinan yang disahkan benar.
- ii. **Jika syarikat didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):**
  - a) Dokumen *Memorandum and Article of Association* syarikat asal dan salinan yang disahkan benar;
  - b) Dokumen *Return of Allotment of Share*- Borang 24' asal dan salinan yang disahkan benar;
  - c) Dokumen *Form 44 of Company Act 1965* asal dan salinan yang disahkan benar;

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022</b>

- d) Dokumen *Return of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars- Form 49* asal dan salinan yang disahkan benar.

iii. **Jika syarikat didaftarkan dibawah Labuan Financial Service Authority (LOFSA):**

- a) Dokumen *Memorandum and Article of Association* syarikat asal dan salinan yang disahkan benar;
- b) Dokumen *Return of Allotment of Share*- Borang 13' asal dan salinan yang disahkan benar;
- c) Dokumen *Notice of situation or Changes of Registered Office- Form 23'* asal dan salinan yang disahkan benar;
- d) Dokumen *Return on Particulars and Changes of Director and Secretaries- Form 25'* asal dan salinan yang disahkan benar;
- e) Dokumen *Certificate of Incorporation of Labuan Company* asal dan salinan yang disahkan benar.
- f) Sijil pembatalan pendaftaran – tidak terpakai untuk kapal baru
- g) Pembayaran seperti dalam Jadual 13 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952

## 6.2 Permohonan Pendaftaran Kapal Tetap


Pemohon mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal dimana kapal itu didaftarkan. Permohonan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut:

- i. *Bill of Sale* atau *Builders Certificate* yang asal (Jika dikeluarkan di luar negara perlu disahkan *Notary Public*)
- ii. Sijil Pembatalan Kapal yang asal.
- iii. Laporan Pemeriksaan Tanda Ukiran dan Nama kapal (*Carving marking*)
- iv. Sijil *International Tonnage* (permanent)

## 6.3 Permohonan Pembatalan Pendaftaran Kapal

Pemohon mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal dimana kapal itu didaftarkan. Permohonan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan
- ii. Sijil Pendaftaran kapal
- iii. *Bill of Sale* (Jika melibatkan jual beli)
- iv. *Discharged of Mortgage* bersama surat daripada Bank (*Mortgagor*) atau institusi kewangan berlesen (jika ada gadaian)

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022</b>

#### **7. Piagam Pelanggan**

Memproses dan mengeluarkan Sijil Pendaftaran Sementara/ tetap dalam tempoh 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




## JABATAN LAUT MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SEMENTARA , PENDAFTARAN TETAP DAN PEMBATALAN PENDAFTARAN

TARIKH KEMASKINI : FEBRUARI 2022

#### 8. Carta Alir Permohonan



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik kapal untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan pendaftaran kapal atau pembatalan pendaftaran kapal.